

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“


**KERATAN**

**AKHBAR**

**KESUMA”**

**SELASA**

**3 SEPTEMBER 2024**



# 6,000 maut akibat nahas motosikal setiap tahun

Oleh **KAMARIAH KHALIDI**  
utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Kira-kira 6,000 penunggang motosikal maut akibat kemalangan jalan raya di negara ini, antara yang tertinggi di Asia Tenggara.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, jika dihipunkan, jumlah kubur-kubur tersebut dianggarkan bersamaan dengan keluasan enam padang bola.

“Kita mendengar apa yang dikatakan oleh Menteri Pengangkutan, Anthony Loke bahawa kematian disebabkan oleh kemalangan jalan raya ini lebih daripada kematian yang disebabkan oleh Covid-19.

“Dan kesedaran mengenai isu ini mesti dilakukan bermula sekarang serta melibatkan semua pihak, jangan diletakkan tanggungjawab ini kepada Kementerian Pengangkutan dan agensi-agensi tertentu sahaja,” katanya dalam sidang akhbar selepas Majlis Perasmian Persidangan Keselamatan Jalan Raya Asia (CARs) 2024 di sini, semalam.

Hadir sama, Anthony Loke dan Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong.

Sementara itu, Ahmad Zahid ketika berucap berkata, berkuat kuasa 1 Januari tahun hadapan, semua motosikal baharu dengan enjin berkapasiti 150cc ke atas wajib dilengkapi dengan



**AHMAD** Zahid Hamidi dalam sidang akhbar selepas melawat tapak pameran Persidangan Keselamatan Jalan Raya Asia (CARs) 2024 di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR

sistem brek anti-kunci (ABS).

Jelasnya, berdasarkan laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), penggunaan sistem itu mampu menurunkan kadar kematian jalan raya sehingga 31 peratus.

“Mari kita bermula dengan menjadikan penunggang motosikal lebih selamat kerana 65 peratus daripada jumlah kematian jalan raya tahun lalu, membabitkan mereka,”ujarnya.

Dalam pada itu, beliau turut mencadangkan agar skop Program Penilaian Motosikal di Malaysia (MyMAP) dapat diperluaskan ke luar negara merangkumi rantau Asia dan ASEAN

dalam meningkatkan keselamatan motosikal.

“Setakat ini, MyMAP telah menilai sebanyak 28 model daripada tujuh pengeluar motosikal dan kesemuanya diberi penarafan bintang. Sekarang anda boleh tahu motosikal mana, dari syarikat mana yang lebih selamat dan yang mana tidak,” katanya.

Sementara itu katanya, keputusan untuk menurunkan had laju daripada 40 kilometer per jam (km/j) kepada 30 km/j di zon sekolah sudah dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Keselamatan Dan Kesesakan Jalan Raya (JK-MKKJR).

Semua motosikal baharu 150cc ke atas wajib dilengkapi ABS mulai tahun depan

## 6,000 mati akibat nahas motosikal

Oleh KAMARIAH KHALIDI

**PUTRAJAYA** – Jumlah kematian akibat kemalangan jalan raya di negara ini melibatkan penunggang motosikal direkodkan sekitar 6,000 setiap tahun iaitu antara yang tertinggi di Asia Tenggara.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, jika dihimpunkan, jumlah kubur-kubur itu dianggarkan bersamaan dengan keluasan enam padang bola.

"Kita mendengar apa yang dikatakan Menteri Pengangkutan bahawa (jumlah) kematian akibat kemalangan ini lebih daripada kematian yang disebabkan Covid-19.

"Kesedaran (mengenai isu) ini mesti dilakukan (bermula) sekarang serta melibatkan semua pihak, jangan diletakkan tanggungjawab ini kepada Kementerian Pengangkutan dan agensi-agensi tertentu sahaja," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Perasmian Persidangan Keselamatan Jalan Raya Asia (CARS) 2024 di sini semalam.

Hadir sama Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook dan Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong.

Sementara itu, dalam ucapannya, Ahmad Zahid berkata,



**AHMAD ZAHID** (tengah) ketika melancarkan Majlis Perasmian Persidangan Keselamatan Jalan Raya Asia 2024 di Putrajaya semalam.

berkuat kuasa 1 Januari 2025, semua motosikal baharu dengan enjin berkapasiti 150cc ke atas wajib dilengkapi dengan sistem brek anti-kunci (ABS).

Jelasnya, berdasarkan laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), penggunaan sistem itu mampu menurunkan kadar kematian jalan raya sehingga 31 peratus membabitkan penung-

gang dan pembonceng motosikal.

"Mari kita bermula dengan menjadikan penunggang motosikal lebih selamat kerana 65 peratus daripada jumlah kematian jalan raya tahun lalu, membabitkan penunggang motosikal.

"Jadi bermula 1 Januari 2025, semua motosikal baharu dengan enjin kapasiti 150cc ke atas wajib dipasang ABS," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau berkata, keputusan untuk menurunkan had laju daripada 40 kilometer per jam (km/j) kepada 30 km/j di zon sekolah sudah dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Keselamatan dan Kesusakan Jalan Raya.

"Kerajaan Persekutuan akan bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan bagi melak-

sanakan sistem pengurusan had laju ini seperti memasang palang atau bonggol bagi memperlambatkan trafik di zon sekolah.

"Jika inisiatif ini berjaya mengurangkan kemalangan jalan raya di zon sekolah, kita mungkin mempertimbangkan untuk memperluaskannya di kawasan bersesuaian dalam bandar pula," ujarnya.

“

"Kita mendengar apa yang dikatakan oleh Menteri Pengangkutan bahawa jumlah kematian disebabkan oleh kemalangan jalan raya ini lebih daripada kematian yang disebabkan oleh pandemik Covid-19.

**AHMAD ZAHID HAMIDI**